

PENYEBARAN ISLAM DALAM KETAMADUNAN MELAYU: SATU TINJAUAN AWAL KE ATAS MASYARAKAT MELAYU DI KELANTAN

Farrah Wahida Mustafar

Pusat Asasi dan Pengajian Umum, Kolej Universiti Islam Melaka
farrahwahida@kuim.edu.my

ABSTRAK

Pantai timur Tanah Melayu iaitu negeri Kelantan dikatakan sebagai tempat terawal di tanah Melayu yang menerima dan tersebarinya ajaran Islam dalam kalangan masyarakat tempatan. Oleh itu, objektif kajian ini ialah untuk meneliti bukti-bukti tersebarinya agama Islam dalam ketamadunan Melayu khususnya di negeri Kelantan. Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan dokumentasi iaitu data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dapat mengukuhkan dapatan kajian telah digunakan antaranya sumber berbentuk buku, jurnal, artikel dan laman sesawang. Bahan dari data kepustakaan ini dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan keputusan berasaskan objektif yang telah dirangka. Berdasarkan bukti-bukti yang telah dipaparkan menunjukkan bahawa tidak dapat disangkal lagi bahawa kedatangan Islam telah banyak membawa perubahan dan kesan kepada corak berfikir serta sosiobudaya masyarakat Melayu yang akhirnya masyarakat di Alam Melayu meninggalkan amalan dan cara hidup sebelumnya. Antara bukti-bukti sebaran Islam telah berlaku di negeri Kelantan ialah penemuan dinar emas, penubuhan masjid dan wujudnya institusi pendidikan jenis pondok. Dengan demikian, perkembangan ketamadunan dalam masyarakat Melayu-Islam di Kelantan telah membawa kepada kejayaan dalam memberi perubahan dan kemajuan dalam kehidupan secara holistik. Kesan pengaruh Islam kepada budaya Melayu dapat terlihat daripada cara amalan harian dan kehidupan adat Melayu dengan berpegang kepada *al-din* sebagai “*the way of life*”.

Kata kunci: Tamadun Melayu, Penyebaran Islam, Kelantan

The Spread of Islam in Malay Civilization: A Preliminary Study of the Malay Community in Kelantan

ABSTRACT

The east coast of Malaya which is Kelantan state, is the earliest place to receive and spread of Islam. Therefore, the objective of this study is to explore the evidence of the spread of Islam in Malay civilization, especially in Kelantan. The method of this study was performed by using the data collection by documentation. Research related and information that can be obtained from the study were used including sources in the form of books, journals, articles and websites. These data were analyzed descriptively to obtain results based on the objectives that have been formulated. According to evidence shows that it is undeniable that Islam has had many changes and effects on the thought patterns and socio-culture of the Malay community that eventually the community in the Malay world abandoned previous practices and ways of life. Among the evidence of the spread of Islam in the Kelantan with the discovery of gold dinars, the establishment of mosques and the existence of Islamic education (Pondok). Thus, the development of civilization in the Malay-Muslim community in Kelantan has led to success in providing change and progress in life holistically. The impact of Muslims on Malay culture can be seen in the ways of daily practice and customary life of the Malays by adhering to al-din as a "way of life".

Keywords: *Malay Civilization, Spread of Islam, Kelantan*

PENGENALAN

Penyebaran Islam di Asia Tenggara dikatakan bermula sejak zaman kerajaan Umayyah dan Abbasiyah (Mohamad Hanif, 2016). Menurut Arba'iyah (2011) mengatakan bahawa kedatangan Islam di rantau ini seawal abad ke-7 yang telah dibawa masuk oleh para ulama luar yang rata-ratanya merupakan para pedagang. Hamka (2018) juga menjelaskan berdasarkan sumber Cina dan tulisan T.W. Arnold menyebut peranan dakwah yang dimainkan oleh para pedagang Arab di rantau Alam Melayu dan dunia sebelah timur adalah sekitar abad ketujuh Masihi. Islam datang langsung dari negeri Arab pada abad I H/7M dan daerah pertama yang menerima kedatangan Islam adalah Aceh (Suprayitno, 2012). Sewaktu Islam berkembang pada abad pertama Hijrah, Nabi Muhammad SAW telah mengutus Saad ibn Abi Waqqas atau Wahab bin Qabha (Kabayah) ke China untuk memperkenalkan agama di sana (Othman, 1990).

Orang Arab yang datang berkunjung ke Alam Melayu dikatakan mempunyai matlamat untuk berdagang dan menyebarkan agama serta ilmu Islam kepada penduduk di rantau ini (Mahayudin, 2013). Disebabkan

wujudnya hubungan ini, maka berlakulah transformasi dan asimilasi dalam konteks kebudayaan Arab-Melayu contohnya pelbagai istilah Arab yang telah dibawa masuk ke Alam Melayu seperti perkataan *tarikh* (dalam bahasa Melayu tawarikh), *ma'mur* (dalam bahasa Melayu makmur), *dawlah* (dalam bahasa Melayu daulat) dan sebagainya.

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu juga telah bertukar menjadi umat yang berakidah, berilmu dan berakhlak. Pada zaman ini jugalah lahirnya istilah baharu yang dibawa oleh agama Islam termasuklah perkataan '*Dar al-Ma'mur*', '*Dar al-Salam*', '*Dar al-Aman*' dan '*Dar al-Riduan*,' '*Dar al-Taqwa*', '*Dar al-Iman*', '*Dar al-Aman*', '*Dar al-Ta'zim*', dan '*Dar al-Na'im*' (Mahayudin Yahaya, 2013). Istilah-istilah ini memberi makna yang sama yang terkandung di dalam al-Quran dan berkait rapat dengan makna '*umran* iaitu kemakmuran, kenikmatan, kesejahteraan, keimanan, keselamatan dan sebagainya. Menurut Mahayudin (2013) menjelaskan masyarakat Melayu-Islam terdorong kepada '*umran* yang dijelmakan dalam bentuk akidah, syariah dan akhlak yang menjurus kepada ketaqwaan, keimanan, keamanan, kesejahteraan, kedaulatan dan *na'im* iaitu kenikmatan di dunia dan di akhirat. Hal ini merujuk kepada '*Dar al-Na'im*' yang merupakan salah satu nama bagi kerajaan Melayu-Islam khususnya negeri Kelantan.

Kawasan pantai timur Tanah Melayu (Kelantan dan Terengganu) dikatakan sebagai tempat terawal di Tanah Melayu yang menerima dan mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh. Antara bukti terawal menerima Islam didasarkan kepada wujudnya beberapa artifak yang khusus, merangkumi (i) kitab atau manuskrip agama, (ii) masjid tertua, (iii) institusi pendidikan Islam seperti pondok, (iv) kubur seseorang ulama dan (v) terpenting sekali pengaruh pemikiran Islam yang berkekalan serta dapat dikesan penggunaannya secara meluas di dalam masyarakat (Rahimin Affandi et al., 2010). Dengan demikian, artikel ini ingin membahaskan bukti-bukti penyebaran Islam dalam ketamadunan Melayu khususnya di negeri Kelantan. Justeru itu, objektif kajian ini ialah untuk meneliti bukti-bukti tersebarnya agama Islam dalam ketamadunan Melayu khususnya di negeri Kelantan.

KETAMADUNAN MELAYU

Alam Melayu adalah merujuk kepada Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Jawa, Kalimantan, Sulawesi dari pulau-pulau Nusantara, pulau-pulau Maluku termasuk Irian, Pulau Luzon dan Mindanao (Abd Jalil, 2014). Pada tahun 1972, UNESCO menakrifkan Melayu sebagai suku bangsa Melayu di Semenanjung Malaysia, Thailand, Indonesia, Filipina dan Madagascar (Nik Hassan Shuhaimi, 2011). Dalam konteks Perlembagaan Malaysia hari ini Melayu adalah penutur bahasa Melayu, menganut agama Islam dan mengamalkan adat istiadat Melayu. Justeru itu, agama Islam adalah penunjuk utama dalam definisi Melayu tanpa mengira asal usul baka keturunan sama ada India, Arab atau China dan lain-lain dengan kata lain,

siapa sahaja yang beragama Islam, dia adalah Melayu (Nik Hassan Shuhaimi dan Zuliskandar, 2011).

TAMADUN

Ibnu Khaldun dalam kitab *Al-Muqaddimah* telah membuat perbandingan antara *'umran* dengan tamadun (*civilization* atau *hadharah*) dan kebudayaan (*culture* atau *thaqafah*). Mahayudin (2013) mengatakan Ibnu Khaldun telah mendefinisikan *'umran* seperti berikut:

“Suatu fenomena sosial yang digerakkan oleh sekumpulan masyarakat yang berkerjasama atau bermuafakat di kawasan kota atau desa dalam sebuah negara yang berdaulat dan berpengaruh bagi tujuan memenuhi keperluan hidup yang selesa dan makmur sama ada dari segi rohani atau jasmani berpandukan agama dan akhlak serta hukum dan peraturan kejadian alam dan manusia ciptaan Allah Subhanahu wa Ta'ala”.

Kejayaan sesebuah masyarakat dan negara diukur berdasarkan kepada ketinggian *'umran* atau kemakmuran yang dicapai dari segi politik, ekonomi dan kebudayaan. Manakala sumber *'umran* pula terbahagi kepada dua iaitu (1) alam fizikal seperti udara, air dan tanah; dan (2) sosiobudaya termasuk agama, akhlak dan ilmu pengetahuan. Dalam hal ini dapat difahami bahawa sumber bagi mencapai *'umran* ialah adanya manusia, sejarah dan faktor alam fizikal (iklim dan geografi) yang mempengaruhi kepada tindakan manusia.

Teori *'umran* yang diperkenalkan oleh Ibnu Khaldun seharusnya memenuhi tiga syarat bagi tujuan pembangunan ummah mencapai kemakmuran masyarakat dan negara iaitu (1) masyarakat yang beragama dan berakhlak mulia; (2) masyarakat yang bekerjasama, bertoleransi serta tolong-menolong antara satu sama lain bagi membangunkan masyarakat dan negara; dan (3) mempunyai pemerintahan yang adil dan saksama bagi membela kesejahteraan rakyat, tidak kira kaum, bangsa atau agama. Ciri-ciri *'umran* Melayu-Islam di Alam Melayu merangkumi aspek agama (melibatkan akidah, syariah dan akhlak), politik (merangkumi sistem pemerintahan, undang-undang dan pentadbiran negara), sosiobudaya dan ekonomi (berkait dengan struktur masyarakat dan kegiatan ekonomi), intelektual (merangkumi bidang pemikiran, sastera, bahasa dan seni) serta seni (termasuk seni bina, seni ukir, seni khat (kaligrafi) dan seni muzik (Mahayudin, 2013).

Dalam konteks tamadun di Alam Melayu *'umran* memberi makna yang lebih mendalam daripada visi dan misi tamadun (*civilization*) kerana Islam mengajarkan untuk membentuk kesatuan ummah untuk membangunkan umatnya. Ringkasnya, tamadun merupakan suatu keadaan atau pencapaian

manusia yang bermasyarakat merangkumi semua aspek kehidupan spiritual dan material yang berpusat di kota atau bandar (Zulkiflee et al., 2011).

TAMADUN MELAYU

Tamadun Melayu adalah tamadun yang dibentuk oleh setengah kumpulan orang-orang Melayu yang bertempat di suatu wilayah di Asia Tenggara iaitu gugusan kepulauan Melayu, gugusan kepulauan Melayu-Indonesia, Nusantara, Alam Melayu dan Tanah Jawi (Nabihah, Norfarain dan Kamarul Azmi, 2018). Kemunculan tamadun dan masyarakat Melayu pada mulanya berteraskan penguasaan aktiviti pertanian dan perubahan teknologi telah mendorong mereka mempunyai tempat tinggal tetap (Mohammad Hafiz, Maslinda dan Kamarul Azmi, 2018). Selain itu, penguasaan laluan perdagangan dan penguasaan ilmu teknologi maritim menjadi faktor kemunculan tamadun Melayu awal sebelum kedatangan Islam. Selepas kedatangan Islam, lahirlah para alim ulama dalam tamadun Melayu sehingga menjadikan tamadun Melayu sebagai pusat keintelektualan dan persuratan Melayu.

TAMADUN ISLAM DI ALAM MELAYU


Dalam bahasa Arab, terdapat beberapa istilah yang digunakan bagi menggambarkan dan menjelaskan makna tamadun antaranya *al-madaniyyah*, *al-hadharah* dan *'umran*. Menurut Siti Nur Aisyah dan Sarinah (2019) yang menggunakan istilah peradaban menegaskan bahawa peradaban Islam membawa erti kemajuan yang dicapai oleh masyarakat Islam sama ada dalam bidang kerohanian atau kebendaan dengan berpandukan kepada sumber ajaran Islam khususnya al-Quran dan Hadis bagi memenuhi amanah Allah SWT kepada manusia sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi demi kebahagiaan mereka di dunia dan akhirat. Daripada pernyataan ini dapat difahami bahawa terdapat perbezaan makna dan matlamat yang ingin dicapai dalam hidup setiap umat Islam dengan orang Barat.

TEORI KEDATANGAN ISLAM DI KELANTAN

Pelbagai teori kedatangan Islam ke Tanah Melayu seperti Islam melalui perdagangan, perkahwinan, pendakwah, peranan pembesar-pembesar dan melalui peperangan (Muhammad Ikhlas, Rahimin Affandi dan Mohd Anuar, 2015). Teori-teori kedatangan Islam di Nusantara dikatakan telah dibincangkan oleh sarjana-sarjana sejak 1960-an (Arba'iyah, 2011) dan terdapat pelbagai teori yang menunjukkan ketidakselarasan dan ketidakjelasan bukti-bukti sejarah kedatangan Islam di Alam Melayu (Farhah Zaidar dan Shahrudin, 2017). Menurut Rahimini Affandi et al. (2010) menjelaskan tentang kekaburan teori kedatangan Islam berdasarkan pandangan S. M. Naquib al-Attas bahawa kedatangan Islam ke alam

Melayu telah berlaku secara berperingkat dengan melalui tiga zaman utama iaitu (1) zaman antara 1200 hingga 1400 merupakan zaman pengislaman masyarakat Melayu secara zahir dan luaran semata-mata; (2) zaman antara tahun 1400 hingga 1700 adalah zaman pengislaman secara zahir dan batin yang memberi kesan melalui sebaran ilmu pengetahuan yang meluas dan menggalakkan dalam bidang pengajian Islam; dan (3) zaman antara tahun 1700 ke atas sebagai zaman penerusan idea daripada zaman kedua dan akhirnya terganggu dengan kedatangan kuasa barat di Tanah Melayu.

Mengikut pendapat sarjana Belanda, menegaskan bahawa pengembang agama Islam yang terawal yang menyebarkan ke Alam Melayu mula-mula pada tahun 1200 terdiri daripada orang Arab dari Gujerat dan Malabar bukan keturunan India tempatan (Ismail, 1985). Mengikut kajian membuktikan terdapat empat teori kedatangan Islam ke Alam Melayu berasaskan kepada penemuan sumber sejarah iaitu Islam datang dari Arab, India, China (Ali, 2008) dan Champa (Farhah Zaidar dan Shahrudin, 2017). Manakala dalam teori islamisasi awal di Tanah Melayu pula dikatakan bermula di negeri-negeri Pantai Timur yang meninggalkan bukti menandakan Islam telah bertapak di sana. Menurut Muhammad Ikhlas, Rahimin Affandi dan Mohd Anuar (2015) menjelaskan bahawa dalam catatan (daripada sarjana atau pengembara Cina) pada sekitar kurun ke-13 Masihi, terdapat 15 negeri dibawah kerajaan Srivijaya atau San-Fo-Tsi, menurut Chu-fan-chi yang antaranya ialah Kelantan (Kelantan) seperti yang digambarkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Laluan pedagang Islam ke Kelantan

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian dilakukan dengan menggunakan metode pengumpulan data secara dokumentasi. Data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dapat mengukuhkan dapatan kajian telah digunakan antaranya sumber berbentuk buku, jurnal, artikel dan laman sesawang. Bahan dari data

kepuustakaan ini dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan keputusan berasaskan objektif yang telah dirangka.

SEKILAS PANDANG NEGERI KELANTAN DALAM SEJARAH

Negeri Kelantan terletak di bahagian timur laut Semenanjung Malaysia, bersempadan dengan negara Thailand di sebelah utara, negeri Perak di sebelah barat, negeri Terengganu di sebelah selatan dan Laut China Selatan di sebelah timur laut. Keluasan negeri Kelantan 15,040km² dan mempunyai 11 jajahan merangkumi Bachok, Kota Bharu (Kota Bharu merupakan ibu negeri Kelantan dan menjadi pusat aktiviti pentadbiran bagi negeri ini), Machang, Pasir Mas, Pasir Puteh, Tanah Merah, Tumpat, Gua Musang, Kuala Krai, Jeli dan Kecil Lojing.

Negeri Kelantan merupakan tempat persinggahan para pedagang Islam sebelum tahun 577 H dan berfungsi sebagai pelabuhan penting di timur Tanah Melayu (Mohd Zahirwan Halim dan Norhayati, 2018). Hal ini telah membuktikan kewujudan kerajaan Islam Kelantan pada 577 H dan dianggap sebagai kerajaan Islam yang pertama wujud di Tanah Melayu. Negeri Kelantan juga telah lama terkenal dengan kekuatan pengaruh Islam sejak zaman berzaman iaitu sejak tahun 577 H atau 1161 M lagi, berdasarkan dengan penemuan sekeping dinar emas di bekas tapak Istana Kubang Labu pada tahun 1914 M yang membuktikan kewujudan awal Islam di Kelantan (Mohd Roslan Mohd Nor et al., 2012) dan telah terdirinya sebuah pemerintahan kerajaan Islam di Kelantan.

Kelantan dikenali sebagai Tanah Serendah Sekebun Bunga, Tanjung Pura, Negeri Cik Siti Wan Kembang dan Serambi Mekah pada masa dahulu adalah berasal daripada perkataan 'kilatan' atau 'kelam hutan' atau 'gelam hutan' (*Melaleuca Leucadendron*) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Pada awalnya, Kelantan dikenali dengan pelbagai nama antaranya Medang Kemulaan, kemudian bertukar kepada Medang Gana, akhirnya berubah kepada Kelantan atau Tanah Kala (Mohd Roslan et al., 2012). Manakala dalam catatan China disebut sebagai *Hi-lo-tan* dan *K'ou-lo-tan*. Dalam peta De'Eredia pula ditulis sebagai Clantan Rio dan dalam peta Portugis yang lain menyebut dengan Clantan dan Clantao. Terdapat banyak nama yang telah diberikan kepada negeri ini sehingga kekal dengan nama Kelantan Darul Naim.

Dalam manuskrip Sejarah Negeri Kelantan yang telah ditulis oleh Abdullah bin Hj. Wansa Patani pada tahun 1309 H/1891 M menyatakan bahawa zaman kegemilangan pemerintahan Islam yang stabil bermula dari zaman Sultan Mansur Syah sehingga Cik Siti Wan Kembang (1024-1088 H/1615-1677 M) telah memberi implikasi yang besar kepada negeri Kelantan (Mohd Zahirwan Halim dan Norhayati, 2018). Pemerintahan Islam di negeri Kelantan pada ketika itu telah didominasi oleh tiga keturunan iaitu keturunan Sultan Mansur Syah, keturunan Jembal dan keturunan Patani. Walau bagaimanapun, yang meneruskan adalah Kerajaan Jembal yang pada waktu itu terletak di bawah pemerintahan Raja Umar yang bergelar Sultan

Umar pada tahun 1675 M (1086 H). Pada tahun 1765 M hingga 1794 M, Long Yunus bin Long Sulaiman dianggap sebagai Raja Kelantan pertama yang menyatukan keseluruhan negeri Kelantan seperti yang ada sekarang (Portal Rasmi Pejabat Sultan Kelantan).

BUKTI PENYEBARAN ISLAM DI KELANTAN

Dalam kajian Mohamad Hanif (2016) menerangkan dalam bentuk kronologi penyebaran Islam berdasarkan kerajaan iaitu Aceh, Samudera-Pasai dan Melaka di Tamadun Melayu. Dalam pensejarahan juga menunjukkan kerajaan penting di Johor, Terengganu, Manjung, Kelantan, Perak dan Beruas yang membuktikan kewujudan Islam berdasarkan kepada penemuan-penemuan yang dijumpai. Usaha penyebaran Islam di Alam Melayu ini dikaitkan dengan beberapa golongan antaranya pedagang, mubaligh, alawiyin dan ulama tasawuf (Khairul Azhar, 2019).

Negeri Kelantan dipercayai telah menerima Islam pada abad ke-12 M iaitu sebelum kunjungan pelayar Islam Ibnu Batutah pada tahun 1297 M (Mohamad Hanif Md Noor, 2016). Dalam catatan Ibnu Batutah menyatakan bahawa kerajaan Kelantan pada waktu itu diperintah oleh seorang raja yang beragama Islam bernama Puteri Urduja di sebuah tempat yang bernama Kilu Kirai yang dipercayai merujuk kepada Kuala Krai, Kelantan (Mohd Roslan et al., 2012; Shuaibu, Ahmad Faisal dan Aizan Ali, 2018).

Dalam catatan De'Eredia pada tahun 1613 menyatakan dalam Abd Jalil (2014):

“Aqidah Muhammad telah diterima terlebih dahulu di Patani dan Pan di persisiran pantai timur dan selepas itu baharulah ia diterima dan disebarkan oleh Permicuri (Parameswara) di Melaka pada tahun 1411 M”.

i. Penemuan Dinar Emas

Perkembangan mata wang di Kepulauan Melayu dikaitkan dengan kewujudan aktiviti-aktiviti perdagangan yang dijalankan dalam masyarakat. Tambahan pula, pengaruh perdagangan dalam negeri dan antarabangsa telah menggalakkan penggunaan mata wang bagi memudahkan proses-proses pertukaran barangan yang pada awalnya menggunakan tukar-menukar barang (*barter system*). Justeru itu, saudagar-saudagar Arab yang datang berurus niaga telah memperkenalkan mata wang mereka iaitu wang dirham dan dinar kepada penduduk di negeri Kelantan (Noorsafuan et al., 2009). Antara duit-duit syiling emas (dinar) yang terbukti pernah digunakan di negeri Kelantan (Rajah 2) terbahagi kepada tiga jenis iaitu (1) duit syiling Kijang yang telah dicetak gambar seekor kijang dan bahagian belakang tertulis '*Malik al-'Adil*' atau '*al-'Adl*' pada ketika pemerintahan kesultanan Che Siti Wan Kembang yang paling banyak digunakan; (2) duit syiling

Matahari atau bunga yang menunjukkan terdapat gambar bunga matahari dan di bahagian belakangnya bertulis perkataan '*Malik al-'Adil*'; dan (3) duit emas bertulisan Arab di kedua-dua belah muka yang ditempat dengan perkataan '*al-Julus Kelantan*' bermaksud Kerajaan Kelantan dan sebelah bahagian lagi bertulis '*Khalifatulrahman*', dan ada juga menggunakan tulisan '*Khalifat al-Mu'minin*' dan sebelahnya lagi '*Malik al-'Adil*' .



i. Duit syiling kijang



ii. Duit syiling
Matahari



iii. Duit emas bertulisan
Arab

Rajah 2: Antara contoh duit syiling yang digunakan dalam aktiviti perdagangan di Kelantan

(Sumber: Muzium Islam Kelantan)

Mata wang terawal yang dijumpai bertarikh 1181 M bersamaan 577 H di Kelantan (Shaharuddin dan Farhah Zaidar, 2017). Menurut Mohd Roslan Mohd Nor et al. (2012) menjelaskan bahawa pada dinar emas yang dijumpai di Tumpat, Kelantan pada tahun 1912 itu terdapat ukiran dan cop rasmi dalam tulisan Arab. Emas yang didapati di hulu negeri Kelantan telah dilebur dan kemudian dituang menjadi jingkong-jongkong emas untuk dijual kepada saudagar-saudagar terutama kepada pedagang-pedagang Arab yang datang membeli jingkong-jongkong emas di bandar pelabuhan negeri itu (Noorsafuan et al., 2009). Dinar merupakan satu unit mata wang syiling yang ditempa oleh orang Islam dan diguna pakai oleh orang Arab Mekah dan Madinah untuk digunakan dalam urusan perniagaan, menabung dan membayar zakat pada abad keenam dan ketujuh Masihi (Salmy Edawati, 2009). perkataan dinar emas adalah merujuk kepada mata wang yang pernah digunakan pada zaman Rasulullah SAW sehingga zaman kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah (Salmy Edawati, Sanep dan Hailani, 2009). Malah perkataan dinar juga termaktub dalam Al-Quran dan Hadis.

ii. Masjid Kampung Laut: Masjid Tertua di Malaysia

Pembinaan masjid dalam sejarah Rasulullah SAW merupakan asas kepada pembentukan akidah Islam dan lambang peradaban masyarakat Islam (Hailan et al., 2017). Pembinaan masjid juga oleh Rasulullah SAW adalah bertujuan untuk membersihkan dan menyuburkan jiwa, memurnikan akhlak dan merapatkan hubungan sesama umat Islam selain daripada menjadi tempat merancang segala aktiviti kehidupan mereka dari soal-soal ibadah khusus hinggalah soal-soal pemerintahan, petadbiran, ekonomi, sosial dan sebagainya (Mustafa, 1990). Rentetan dari hal ini menunjukkan

bahawa pembinaan masjid merupakan salah satu perkara utama untuk dibina terlebih dahulu di suatu tempat bagi memudahkan aktiviti penyebaran Islam.

Masjid Kampung Laut seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3 telah dibina di tebing sungai Kelantan menghadap Laut China Selatan yang sekaligus membuktikan bahawa negeri yang paling awal menerima Islam (Ahmad Sanusi dan Mohd Syafik, 2014) sekitar abad ke 16 lebih awal daripada Masjid Peringggit di Melaka yang dibina pada tahun 1720 M. Dalam Portal Rasmi Masjid Malaysia menjelaskan bahawa masjid ini dibina dengan empat tiang yang menopang bumbung tiga tingkat yang diperbuat daripada rumbia dengan bukaan ruang masjid hanya berkeluasan 400 kaki persegi. Asas seni binanya dikenal pasti bercirikan struktur binaan Cina yang telah datang untuk menyebarkan Islam (Ahmad Sanusi, 2010). Oleh kerana kerap kali dilanda banjir khususnya pada tahun 1926 dan 1966, maka masjid ini telah dipindahkan beberapa kali dan kini berada di Nilam Puri serta dibaik pulih tanpa mengubah bentuk aslinya.

Reka bentuk Masjid Kampung Laut signifikan dan terdapat persamaan dengan struktur binaan Masjid Demak di Jawa, Masjid Kuno di Champa dan Masjid Wadi Hussein di Thailand (Ahmad Sanusi dan Mohd Syafik, 2014). Masjid Kampung Laut merupakan masjid dibina sepenuhnya menggunakan bahan-bahan tempatan iaitu kayu keras cengal (*Neobalanocarpus heimii*), merbau (*Intsia bijuga*) dan bumbung atap singgora (Ahmad Sanusi dan Mohd Syafik, 2014). Atap singgora diperbuat daripada tanah liat, reka bentuknya lebih menarik dan ringan bersesuaian dengan struktur senibina kayu (Shamsu dan Siti Suhaily, 2016). Jenis atap ini dipercayai berasal dari Songkhla, Thailand walaupun pembuatannya sama namun berbeza dari segi bentuk dan saiz. Kelebihan atap singgora mampu menyerap air semasa hujan dan berupaya mengekalkan serta menyejukkan suhu dalam sesebuah rumah pada waktu siang sehingga memberi kenyamanan kepada penghuni. Dari segi pengudaraan di dalam masjid, banyak elemen jenis berlubang seperti lantai dan dinding yang mempunyai lubang bagi memanfaatkan aliran udara semula jadi di iklim tropika ini. Pelbagai corak hiasan seperti corak geometri, corak bunga dan corak kaligrafi yang menampilkan estetika dan nilai budaya tradisional Melayu yang tinggi.



i. Pada awal pembinaan iaitu
1720M



ii. Terkini

Rajah 3: Masjid Kampung Laut

iii. Pondok sebagai Institusi Pendidikan Terawal

Dalam konteks pembudayaan ilmu selepas kedatangan Islam telah berupaya mengubah kedudukan ilmu dan pendidikan dalam masyarakat Melayu sebagai perkara yang menjadi keutamaan dan penting dalam kehidupan (Zulkiflee et al., 2011). Kelahiran Islam telah mencetuskan revolusi keilmuan di Alam Melayu sehingga lahirnya pusat keilmuan yang berjaya mendidik anak-anak tempatan dan luar menjadi tokoh ulama yang terkemuka. Hal ini dapat dilihat di dalam masyarakat Melayu yang menganggap status individu yang belajar agama dan pernah menuntut di institusi pendidikan pada ketika adalah pondok dianggap tinggi.

Institusi pengajian pondok merupakan pusat pendidikan formal yang paling awal diasaskan di Kelantan, Malaysia (Mohd Zahirwan Halim et al., 2020; Shuaibu, Ahmad Faisal dan Aizan Ali, 2018) dan Kelantan merupakan negeri yang paling awal dalam menerajui sistem pendidikan pondok di Semenanjung Malaysia yang lama-kelamaan negeri ini dikenali dengan nama julukan Negeri Serambi Mekah (Mohd Zainodin et al., 2017). Pondok pertama yang didirikan di Kelantan ialah pondok Pulau Condong seperti yang digambarkan dalam Rajah 3 diasaskan oleh Haji Ab. Samad Abdullah atau Tok Pulau Chondong (1792-1874 M) sekitar tahun 1820 M. Sistem pendidikan pondok ini telah dipraktikkan di negara-negara Timur Tengah dalam abad ke-14. Menurut Ramli, Khairi dan Ishak (2016) mengatakan antara faktor perkembangan institusi pondok di Kelantan ialah sokongan dan galakan daripada pemerintah dan pembesar negeri yang ingin melihat perkembangan syiar Islam di Kelantan. Sejak zaman Sultan Muhammad I (1818-1837 M), para ulama telah diberikan status yang tinggi dalam masyarakat setelah mereka pulang dari menuntut ilmu di Patani dan Mekah.



Rajah 3: Pondok terawal di Pulau Condong, Kelantan

Pengajian sistem madrasah ini lebih dikenali dengan panggilan ‘pondok’. Sukatan pelajarannya lebih menekankan aspek pengajian agama yang berpaksikan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan fiqh mazhab Syafie antaranya menghafaz hukum-hukum fiqh, nahu, al-Quran dan hadis Nabi (Mohd Zainodin et al., 2017). Kaedah pengajaran dan pembelajaran di pondok menggunakan kaedah halaqah. Halaqah adalah sistem pengajian berbentuk bulatan yang merupakan satu kaedah yang digunakan di pusat-pusat pengajian Islam antaranya di kota Mekah iaitu di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi satu ketika dahulu (Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin et al., 2020). Selain itu, terdapat juga halaqah dengan kedudukan guru berada di tengah-tengah dikelilingi oleh para pelajar. Antara tokoh yang menjadi guru dalam institusi pengajian pondok dan pernah mendalami pengajian di Mekah ialah Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani, Sayid Abdul Rahman (Tokku Paloh), Muhammad Yusoff bin Ahmad (Tok Kenali) (Ramli, Khairi dan Ishak, 2016), Tuan Tabal, Tok Selehor dan Tok Kemuning (Mohd Zahirwan Halim dan Norhayati, 2018).

KESIMPULAN

Berdasarkan bukti-bukti yang telah dipaparkan menunjukkan bahawa tidak dapat disangkal lagi bahawa kedatangan Islam telah banyak membawa perubahan dan kesan kepada corak berfikir serta sosiobudaya masyarakat Melayu yang akhirnya masyarakat di Alam Melayu meninggalkan amalan dan cara hidup sebelumnya. Antara bukti-bukti sebaran Islam telah berlaku di negeri Kelantan ialah penemuan dinar emas, penubuhan masjid dan wujudnya institusi pendidikan jenis pondok. Dinar emas di Kelantan

menunjukkan bahawa sistem ekonomi yang dijalankan melalui aktiviti perdagangan telah menjadi aktiviti utama masyarakat Melayu Kelantan. Oleh itu, dapat mendedahkan ciri kebudayaan masyarakat Melayu Kelantan yang menggemari aktiviti perniagaan. Manakala bagi penubuhan masjid pula, hasil seni bina Masjid Kampung Laut telah membuktikan keupayaan ilmu pertukangan dan binaan bangunan pada zaman itu. Seni bina masjid ini menunjukkan bahawa masyarakat Islam mempunyai pengetahuan dalam menitikberatkan soal ketepatan dan keseimbangan graviti kerana ia dikatakan beban sokongan adalah seimbang bagi setiap tiang sokongan serta mengambil kira faktor persekitaran seperti iklim dan geografi. Terakhir, institusi pendidikan kaedah madrasah pondok yang telah dibangunkan oleh para ulama silam mampu memberikan pengetahuan pada ketika itu sehingga dapat memperkukuhkan peradaban dan mengembangkan keintelektualan kepada masyarakat Melayu.

Perkembangan dalam masyarakat Melayu-Islam di Kelantan telah membawa kepada kejayaan dalam memberi perubahan dan kemajuan dalam kehidupan secara holistik. Kesan pengaruh Islam kepada budaya Melayu dapat terlihat daripada cara amalan harian dan kehidupan adat Melayu dengan berpegang kepada *al-din* sebagai “*the way of life*”. Malah masyarakat Melayu juga telah menerima sebahagian besar sambutan budaya Islam seperti menyambut hari kelahiran Nabi Muhammad SAW (Maulid Nabi), sambutan tahun baru Hijrah, Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji dan sebagainya.

RUJUKAN

- Abd. Jalil Borham. (2014). Islam di Nusantara. Kolokium Islam Pahang ‘Meraikan Ilmu’, 18 Mac, 1-20. Diperoleh dari, http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/5329/1/ISLAM_DI_NUSANTARA.pdf, dicapai pada 19 Oktober 2021.
- Ahmad Sanusi Hassan. (2010). Kampung Laut’s Old Mosque in Malaysia: its influence from Chinese building construction. *International Transaction Journal of Engineering, Management & Applied Sciences & Technologies*, 2(1), 27-52.
- Ahmad Sanusi Hassan & Mohd Syafik Ahmad Nawawi. (2014). Malay architectural heritage on timber construction technique of the traditional Kampung Laut old mosque, Malaysia. *Asian Social Science*, 10(8), 230-240.
- Ali Mohamad. (2008). Sumbangan tamadun Islam dalam kehidupan masyarakat di alam Melayu hingga abad ke-17 M. *Journal al-Tamadun*, 3(1), 68-84.
- Arba’iyah Mohd Noor. (2011). Perkembangan pensejarahan Islam di alam Melayu. *Jurnal Al-Tamadun*, 6, 29-50.
- Farhah Zaidar Mohamed Ramli & Shahrudin Pangilun. (2017). Teori kedatangan Islam di alam Melayu. *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017)*, 147-150.

- Hailan Salamun, Hamdan Aziz, Fadzli Adam, Mustakimah Husein, Nik Anis Suhaila Nik Mohd & Rofishah Rashid. (2017). Kepimpinan politik Melayu membangunkan masyarakat bertamadun. *Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization*, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 372-381.
- Hamka. (2018). *Sejarah Umat Islam*. Batu Caves: PTS Publishing House.
- Ismail Hamid. (1985). Tinjauan umum terhadap teori kedatangan Islam ke Alam Melayu. *Sari*, 3(1), 41-48.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Negeri Kelantan Darul Naim. Diperoleh dari, https://dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_DOSM.KELANTAN_1.2020_Siri-80.pdf, dicapai pada 20 Oktober 2021.
- Khairul Azhar Meerangani. (2019). Peranan ulama dalam penyebaran ajaran Islam di Pulau Besar, Melaka. *Jurnal Al-Tamaddun*, 14(2), 65-74.
- Mahayudin Yahaya. (2013). 'Umran dan aplikasinya di Alam Melayu (*The concept of 'Umran and its application in the Malay Archipelago*). *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 6(1), 1-33.
- Mohamad Hanif Md Noor. (2016). Bukti arkeologi sebaran Islam di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Seni & Budaya (IDEALOGY)*, 2(1), 77-86.
- Mohammad Hafiz Mad Rashid, Maslinda Wahab & Kamarul Azmi Jasmi. (2018). Sains tauhidik dalam pembangunan peradaban Melayu. *Prosiding Seminar Tamadun Islam 2018*, Universiti Teknologi Malaysia, 17 Ogos, 153-170.
- Mohd Roslan Mohd Nor, Ahmad Zaki Berahim Ibrahim, Abdullah Yusof, Muhammad Fauzi Zakaria & Mhd Faizal Mhd Ramli. (2012). Early history of Islamic education and its expansion in the state of Kelantan, Malaysia. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 11(8), 1153-1160.
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Huzaimah Ismail, Abd. Munir Mohd Noh, Muhammad Yusri Yusof@Salleh, Paiz Hassan & Ahmad Bakhtiar Jelani. (2020). Manifestasi kaedah halaqah pada zaman Rasulullah Saw: aplikasi dalam sistem pengajian pondok terpilih di negeri Kelantan. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies (UMRAN)*, 7(2), 51-67.
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin & Norhayati Hamzah. (2018). Perkembangan Islam di Kelantan: analisis terhadap manuskrip sejarah negeri Kelantan. *Jurnal al-Tamaddun*, 13(2), 133-147.
- Mohd Zainodin Mustaffa, Emie, Sylviana Mohd Zahid, Nur Farhana Mohd Daud, Mahasin Saja@Mearaj, Mohd Asyadi Redzuan & Mohamad Zaki Razaly. (2017). Sejarah pengajian pondok dan tokoh ulama: kajian di daerah Besut, Terengganu Darul Iman. *Proceeding of 2nd International Islamic Heritage Conference (ISHEC 2017)*, 47-53.

- Muhammad Ikhlas Rosele, Rahimin Affandi Abdul Rahim & Mohd Anura Ramli. (2015). Islamisasi awal di Pahang: satu tinjauan teori. *Jurnal Kemanusiaan*, 24(1), 1-14.
- Mustafa Haji Daud. (1990). *Pengantar Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nabihah A. Majid, Norfarain M. Juperi dan Kamarul Azmi Jasmi. (2018). Tamadun Melayu Islam dan pencapaian teknologi. Prosiding Seminar Tamadun Islam 2018, Universiti Teknologi Malaysia, 17 Ogos, 171-182.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Zuliskandar Ramli, Mohamad Zain Musa & Adnan Jusoh. (2011). *Alam Melayu Satu Pengenalan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA).
- Noorsafuan Che Noh, Hanif Md Lateh, Wan Kamal Mujani, Ezad Azraai Jamsari & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad. (2009). Dinar emas Negeri Kelantan zaman silam dan moden: satu pengamatan sejarah. Prosiding Seminar Antarabangsa Penjanaan Ekonomi melalui Transaksi Wang Dinar, Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi, 27 Ogos, 95-108. Diperoleh dari, <http://digitalkelantancollection.umk.edu.my/koleksikelantan/files/original/bcd33856d4cd467673f8c91502582d1b.pdf>, dicapai pada, 19 Oktober 2021.
- Othman Mohd Yatim. (1990). *Epigrafi Islam Terawal di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Portal Rasmi Masjid Malaysia. Masjid Mukim Kampung Laut. Diperoleh dari, <http://masjid.islam.gov.my/index.php?data=aW5mby1tYXNqaWQucGhw&id=3662&jenis&nama&negeri&daerah>, dicapai pada 19 Oktober 2021.
- Portal Rasmi Pejabat Sultan Kelantan. Sejarah Kesultanan Kelantan. Diperoleh dari, <https://pejsultan.kelantan.gov.my/index.php/mediasuk/sejarahkesultanan-kelantan#>, dicapai pada 20 Oktober 2021.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Nur Azuki Yusuff, Rohani Desa, Norazlina Zakaria & Nor Hayati Md. Dahlal. (2010). Institusi pondok sebagai penjana intelektual ummah di Kelantan. Seminar Keintelektualan Islam 2010 Peringkat Kebangsaan, 31 Mei - 1 Jun 2010, Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan, 1-22. Diperoleh dari, <http://umkeprints.umk.edu.my/6186/1/Seminar%20Keintelektualan%20Islam.pdf>, dicapai pada 18 Oktober 2021.
- Rahimin Affandi Abd Rahim, Paizah Ismail, Mohd Kamil Abd Majid & Nor Hayati Md Dahlal. (2010). Batu Bersurat Terengganu: satu tafsiran terhadap pelaksanaan syariah Islam. *Jurnal Fiqh*, 7, 107-148.
- Ramli Saadon, Khairi Ariffin & Ishak Saat. (2019). Perkembangan pendidikan orang Melayu di Malaya sebelum kemunculan *Western-Type-Education*. *Jurnal Perspektif*, 8(2), 79-96.
- Salmy Edawati Yaacob. (2012). Keunggulan dinar emas sebagai mata wang: kajian berdasarkan sejarah tamadun Islam. *ISLAMIIYAT*, 34, 119-129.

Penyebaran Islam dalam ketamadunan Melayu:
Satu Tinjauan Awal ke atas Masyarakat Melayu di Kelantan
Farrah Wahida Mustafar

- Salmy Edawati Yaacob. (2009). Sejarah dinar emas dan kronologi pertukaran mata wang dunia. *Jurnal Al-Tamaddun*, 4, 107-127.
- Salmy Edawati Yaacob, Sanep Ahmad & Hailani Muji Tahir. (2009). Dinar emas dalam Islam (*Gold dinar in Islam*). Prosiding PERKEM IV, Jilid 1, Kuantan, 2-4 Jun, 449-461.
- Shaharuddin Pangilun & Farhah Zaidar Mohamed Ramli. (2017). Penyebaran dan perkembangan Islam di Alam Melayu. Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017), Hotel Putra Kuala Lumpur, 1-2 Ogos, 142-146.
- Shamsu Mohamad & Siti Suhaily Surip. (2016). Atap singgora pada senibina tradisional dan kontemporari di pantai timur. Conference Proceeding 2nd International Conference on Creative Media, Design & Technology (REKA2016), Pulau Pinang, 26-27 September, 1-10.
- Shuaibu Umar Gokaru, Ahmad Faisal Abdul Hamid & Aizan Ali Mat Zin. (2018). The role of Uthman bin Foduye in establishing Centre of Islamic learning in Hausaland, Northern Nigeria: a comparative study of *pondok* system in Kelantan, Malaysia. *TAWARIKH: International Journal for Historical Studies*, 9(2), 125-136.
- Siti Nur Aisyah Mohd Azemi Azman & Sarinah Yahya. (2019). Membangun peradaban Islam menurut al-Quran: penelitian surah al-Kahfi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(7), 178-186.
- Suprayitno. (2012). Islamisasi di Sumatera Utara: studi tentang batu nisan di Kota Rantang dan Barus. *Jurnal Ilmu-ilmu Keislaman (MIQOT)*, 36(1), 154-173.
- Yance Zadrak Rumahuru. (2018). Kontekstualisasi dalam penyebaran Islam: analisis pola pembentukan Islam di Nusantara. *International Journal of Islamic Thought*, 14, 123-129.
- Zulkiflee Haron, Ramli Awang, Mohd Nasir Ripin, Siti Norlina Muhammad & Farahwahida Mohd Yusof. (2011). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.